



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA  
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)  
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-29 (3/2023) SECARA DALAM TALIAN**

---

Tarikh : 7 Julai 2023 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Platform : secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet*  
Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
<b>29.1</b>	<p><b>Aluan Pengerusi</b></p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-29 (3/2023) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Google Meet</i>.</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas lantikan ahli baharu Jawatankuasa Kerja ISMS UPM iaitu:</p> <p>(i) Puan Yasminani Mohamad, dilantik sebagai Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti berkuatkuasa pada 7 April 2023; dan</p> <p>(ii) Encik Jivanathan Arumugam, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti berkuatkuasa pada 7 April 2023.</p> <p>(c) merakam ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan lantikan terdahulu, iaitu:</p> <p>(i) Puan Yasminani Mohamad, Mantan Timbalan Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti bagi tempoh 8 Mei 2018 hingga 6 April 2023.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
29.2	<p><b>Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-27 &amp; Ke-28 (Khas) Secara Dalam Talian</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut tanpa sebarang pindaan, iaitu:</p> <p>(a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-25 (1/2023) secara dalam talian pada 14 Februari 2023; dan</p> <p>(b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-28 (Khas) (2/2023) secara dalam talian pada 4 April 2023.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
29.3	<p><b>Perkara Berbangkit</b></p> <p>(a) Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-27 dan Ke-28 (Khas) adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 3</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum berhubung lima (5) perkara berbangkit untuk makluman dan tindakan oleh pasukan ISMS yang terlibat iaitu:</p> <p>(i) <u>Minit 27.3 (b)(iv)</u> – meminta pasukan menghubungi juruaudit terlibat bagi mengesahkan penutupan satu (1) peluang penambahbaikan tahun 2022 (CADE-OFI-ISMS-01) yang dipersetujui untuk tidak diambil tindakan.</p> <p>(ii) <u>Minit 27.6 (d)</u> - mengambil maklum Penyelaras Penilaian Risiko ISMS telah mengemukakan emel permohonan maklumat halatuju MyRAM bagi peralihan Standard MS ISO/IEC 27001:2022 pada 5 Julai 2023 dan sehingga kini pihak UPM belum menerima sebarang maklum balas daripada pihak MAMPU.</p> <p>(iii) <u>Minit 27.8.3 (e)</u> – mengambil maklum cadangan penambahbaikan hasil soal selidik pendaftaran pelajar</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>baharu program bachelo dan diploma bagi sesi kemasukan 2022/2023 telah diambil tindakan oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu) dan perincian tindakan berkaitan adalah sepertimana dinyatakan di <b>Lampiran B</b>.</p> <p>(iv) <u>Minit 27.8.6 (d)</u> – mengambil maklum perancangan bagi gerak kerja proses peralihan Standard ISO/IEC 27001:2022 akan diperincikan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS pada awal tahun 2024.</p> <p>(v) <u>Minit 28.3 (f)</u> – meminta semua ahli pasukan yang berdaftar dalam Sistem MyRAM membuat penetapan semula (reset) kata laluan bagi membolehkan akses ke sistem MyRAM 2.1 dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Ahli Pasukan ISMS yang berkenaan</b></p>
<p><b>29.4</b></p>	<p><b>Pengesahan Kelulusan Secara Edaran</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung satu (1) kelulusan secara edaran berkaitan cadangan pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah (Metodologi dan Strategi Tindakan) yang dilaksanakan pada 16 Februari 2023 adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 4</b> yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum secara dasarnya cadangan tersebut dipersetujui oleh ahli berdasarkan maklum balas <i>google form</i> yang telah dilengkapkan.</p> <p>(c) Mesyuarat turut mengambil maklum pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS bagi Pelajar Baharu Siswazah telah dilaksanakan bermula 17 Julai 2023 mengikut kaedah berikut:</p> <p>(i) Kaji selidik dimasukkan sebagai <i>pop up link</i> dalam Sistem iGiMS/Portal Pelajar Siswazah;</p> <p>(ii) Soalan kaji selidik disediakan dalam dwibahasa; dan</p> <p>(iii) Kaji selidik terbuka untuk dijawab oleh pelajar tetapi tidak diwajibkan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	(d) Mesyuarat bersetuju mengesahkan kelulusan secara edaran berhubung pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah sepertimana yang dibentangkan.	<b>Makluman</b>
<b>29.5</b>	<p><b>Laporan Objektif Keselamatan Maklumat</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 5</b> yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum kesemua enam (6) objektif ISMS tahun 2023 belum dapat diukur disebabkan aktiviti pengukuran belum dilaksana dan sebahagiannya sedang berjalan. Perincian pencapaian objektif ISMS Januari hingga Jun 2023 adalah seperti pada <b>Lampiran C</b>.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<b>29.6</b>	<p><b>Laporan Penyata Pemakaian [Statement of Applicability (SoA)] &amp; Dokumentasi ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana <b>Laporan Agenda 6</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum terdapat keperluan perubahan terhadap Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) ISMS mengambilkira penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023 berkaitan maklumat kawalan semasa yang bercanggah dengan justifikasi bagi Annex A.13.1.2.</p> <p>(c) Mesyuarat bersetuju meluluskan perubahan Dokumen Penyata Pemakaian (SoA) ISMS untuk dihebahkan pemakaiannya bermula pada 17 Julai 2023.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Penyelaras ISMS</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
29.7	<p><b>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Ringkasan Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Tahun 2023 sebagaimana dinyatakan di <b>Laporan Agenda 7</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat dimaklumkan Laporan Penilaian Risiko Semakan Mac 2023 ini adalah sebagaimana yang telah dibawa dan disahkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-28 (Khas) pada 04 April 2023.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
29.8	<p><b>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 22 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh lima (5) Pasukan ISMS bagi tempoh Februari hingga Jun 2023 adalah seperti di <b>Laporan Agenda 8</b> yang dibentang semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum bahawa setiap pasukan sentiasa membuat pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan aktiviti tahunan ISMS pasukan masing-masing dalam memastikan kelancaran pelaksanaan ISMS secara keseluruhan di UPM.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung keperluan penambahan peranan Penolong Pegawai Tadbir di UPM Kampus Bintulu bagi modul iGiMS memandangkan akses yang sedia ada yang diberikan agak terhad dan menyukarkan proses semakan dan pemantauan. Mesyuarat dimaklumkan perkara ini sedang dalam tindakan permohonan oleh pihak UPMKB dengan pihak peneraju.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman																					
29.9	<p data-bbox="298 287 480 317"><b>Hal-Hal Lain</b></p> <p data-bbox="298 369 1227 438"><b>29.9.1 Status Terkini Pelaksanaan Aktiviti Peluasan Skop ISMS Tahun 2023</b></p> <p data-bbox="440 491 1227 680">(a) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung Status Pelaksanaan Aktiviti Peluasan Skop ISMS bagi Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah adalah sepertimana pada <b>Laporan Agenda 9.1</b> yang dibentang.</p> <p data-bbox="440 732 1227 884">(b) Mesyuarat mengambil maklum sehingga Julai 2023, sebanyak enam (6) aktiviti peluasan skop yang dirancang dalam Takwim Aktiviti ISMS Tahun 2023 telah dilaksanakan melibatkan perkara berikut:</p> <table border="1" data-bbox="522 932 1224 1547"> <thead> <tr> <th data-bbox="522 932 594 1014">Bil</th> <th data-bbox="594 932 976 1014">Aktiviti/Program</th> <th data-bbox="976 932 1224 1014">Tarikh Pelaksanaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="522 1014 594 1136">1</td> <td data-bbox="594 1014 976 1136">Bengkel Penilaian Risiko ISMS Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah</td> <td data-bbox="976 1014 1224 1136">9/2/2023</td> </tr> <tr> <td data-bbox="522 1136 594 1218">2</td> <td data-bbox="594 1136 976 1218">Bengkel Penilaian Risiko Pasukan ISMS*</td> <td data-bbox="976 1136 1224 1218">15-16/3/2023</td> </tr> <tr> <td data-bbox="522 1218 594 1299">3</td> <td data-bbox="594 1218 976 1299">Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) ISMS*</td> <td data-bbox="976 1218 1224 1299">29-30/3/2023</td> </tr> <tr> <td data-bbox="522 1299 594 1381">4</td> <td data-bbox="594 1299 976 1381">Taklimat Kesedaran dan Peluasan Skop ISMS</td> <td data-bbox="976 1299 1224 1381">5/4/2023</td> </tr> <tr> <td data-bbox="522 1381 594 1463">5</td> <td data-bbox="594 1381 976 1463">Semakan/Audit Kendiri ISMS SPS dan Entiti</td> <td data-bbox="976 1381 1224 1463">26/5/2023 &amp; 29/5/2023</td> </tr> <tr> <td data-bbox="522 1463 594 1547">6</td> <td data-bbox="594 1463 976 1547">Audit Dalam ISMS SPS dan Entiti</td> <td data-bbox="976 1463 1224 1547">12-13/6/2023</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="522 1551 1154 1581">* termasuk entiti peluasan skop ISMS Tahun 2023</p> <p data-bbox="440 1633 1227 1864">(c) Mesyuarat mengambil maklum secara dasarnya perancangan peluasan skop ISMS bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah berjalan sepertimana yang dirancang dan skop ini dijangka akan menjalani Audit SIRIM pada 9 hingga 13 Oktober 2023.</p>	Bil	Aktiviti/Program	Tarikh Pelaksanaan	1	Bengkel Penilaian Risiko ISMS Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah	9/2/2023	2	Bengkel Penilaian Risiko Pasukan ISMS*	15-16/3/2023	3	Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) ISMS*	29-30/3/2023	4	Taklimat Kesedaran dan Peluasan Skop ISMS	5/4/2023	5	Semakan/Audit Kendiri ISMS SPS dan Entiti	26/5/2023 & 29/5/2023	6	Audit Dalam ISMS SPS dan Entiti	12-13/6/2023	<p data-bbox="1253 491 1409 520"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1253 732 1409 762"><b>Makluman</b></p> <p data-bbox="1253 1623 1409 1652"><b>Makluman</b></p>
Bil	Aktiviti/Program	Tarikh Pelaksanaan																					
1	Bengkel Penilaian Risiko ISMS Skop Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah	9/2/2023																					
2	Bengkel Penilaian Risiko Pasukan ISMS*	15-16/3/2023																					
3	Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA) ISMS*	29-30/3/2023																					
4	Taklimat Kesedaran dan Peluasan Skop ISMS	5/4/2023																					
5	Semakan/Audit Kendiri ISMS SPS dan Entiti	26/5/2023 & 29/5/2023																					
6	Audit Dalam ISMS SPS dan Entiti	12-13/6/2023																					

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p><b>29.9.2 Laporan Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak sembilan (9) laporan ketakakuran (NCR) dan 14 peluang penambahbaikan (OFI) dicatatkan bagi semua PTJ di bawah pensijilan ISMS hasil pelaksanaan Audit Dalaman yang dijalankan bermula 3 April hingga 30 Jun 2023 sepertimana perincian pada <b>Laporan Agenda 9.2</b> yang dibentang. Mesyuarat turut mengambil maklum jumlah ini belum mengambilkira input penemuan bagi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) memandangkan pasukan ini baru melepasi audit dan pasukan juruaudit terlibat masih dalam proses menginput data penemuan mengikut tempoh yang diberi iaitu sehingga 12 Julai 2023.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta semua pasukan/PTJ yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya mengikut tempoh masa yang dinyatakan dalam Panduan Penutupan Penemuan Audit Dalaman ISO UPM.</p> <p><b>29.9.3 Cadangan Penambahbaikan Hasil Audit Dalaman ISMS Tahun 2023</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum satu penemuan audit dalaman tahun 2023 berhubung keperluan penyeragaman maklumat aset server dalam Sistem MyRAM untuk setiap pasukan ISMS sepertimana <b>Laporan Agenda 9.3</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum antara justifikasi penambahbaikan ini adalah disebabkan berlaku ketidakseragaman penulisan maklumat aset server dan perkara ini menyukarkan pencarian semula aset server terlibat.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Semua Ketua Pasukan ISMS/PTJ</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(c) Mesyuarat meminta Peneraju Pusat Data mengemukakan Senarai Aset Server yang terlibat dengan skop ISMS untuk dirujuk oleh semua pasukan ISMS semasa Bengkel Penilaian Risiko ISMS Siri 2/2023.</p> <p><b>29.9.4 Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2023</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2023 adalah sepertimana pada <b>Laporan Agenda 9.4</b> yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum laporan analisis soal selidik ISMS akan dikemukakan selepas proses pelaksanaan lengkap sepenuhnya seperti berikut:</p> <p>(ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Program Diploma (Bintulu) Sesi Kemasukan 2023/2024 pada 24 Julai 2023;</p> <p>(iii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Tahun 2023 pada 17 hingga 31 Julai 2023;</p> <p>(iv) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2022/2023 pada 17 Julai 2023 hingga 30 Ogos 2023; dan</p> <p>(v) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Program Bachelar (Serdang dan Bintulu) Sesi Kemasukan 2023/2024 pada 30 September 2023 dan 1 Oktober 2023.</p>	<p><b>Ketua Pasukan Pusat Data</b></p> <p><b>Makluman</b></p> <p><b>Makluman</b></p>



<b>Minit</b>	<b>Agenda</b>	<b>Tindakan/ Makluman</b>
	<p><b>29.9.5 Cadangan Perubahan Struktur Organisasi Pasukan ISMS</b></p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat cadangan perubahan pada Struktur Organisasi ISMS berikut:</p> <p>(i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS; dan</p> <p>(ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang.</p> <p>(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan struktur organisasi ISMS UPM dengan tarikh pemakaian/kemaskini pada 17 Julai 2023.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil maklum pelantikan Penasihat ISMS bagi menggantikan Dato' Haji Rosdi Wah dalam Jawatankuasa Kerja ISMS bukanlah satu keperluan memandangkan lantikan penasihat adalah berdasarkan kepakaran individu. Mesyuarat bersetuju mengekalkan hanya dua (2) penasihat buat masa ini iaitu Ts. Mohd Faizal Daud dan Puan Haslida Hassan.</p>	<p><b>Makluman</b></p> <p><b>Penyelaras ISMS</b></p> <p><b>Makluman</b></p>
<b>29.10</b>	<p><b>Penangguhan Mesyuarat</b></p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

---

**SENARAI KEHADIRAN**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN**  
**MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-29 (3/2023)**  
**SECARA DALAM TALIAN**

---

**HADIR**

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) **- Pengerusi**
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
5. Ts. Mohamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
6. Puan Yasminani Mohamad (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
7. Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
8. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
9. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
10. Encik Jivanathan Arumugam (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
11. Puan Rahmawati Umar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
12. Ts. Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
13. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) **- Setiausaha**

**TURUT HADIR**

1. Puan Kasmaria Zawawi (Urusetia, Pusat Jaminan Kualiti)

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)**

1. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat, Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Puan Norhasliza Hassan (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA****LAPORAN PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH  
(KAMPUS SERDANG)**Cadangan Penambahbaikan Hasil Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu  
Prasiswazah (Kampus Serdang)**1.0 TUJUAN**

Tujuan kertas ini adalah untuk memaklumkan kepada Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 berkenaan cadangan penambahbaikan maklum balas pelajar hasil analisis soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (Kampus Serdang) Sesi Kemasukan 2022/2023.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) pada 5 Julai 2023 telah membincangkan laporan maklum balas pelajar, hasil analisis soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (Kampus Serdang) Sesi Kemasukan 2022/2023. Laporan tersebut memaparkan analisis berkenaan pengukuran objektif ISMS 2022, iaitu memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran, dengan sasaran tahun 2022 sebanyak 80% pelajar baharu memberi skor 4.00 ke atas (Skala Likert 5.00). Secara keseluruhannya, hasil analisis menunjukkan bahawa UPM telah mencapai sebanyak 96.00%, dan pencapaian ini melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2022.

2.2 Berdasarkan kepada maklum balas responden bagi soalan kaji selidik ISMS ini, majoriti pelajar baharu berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di UPM. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

**3.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH RESPONDEN (PELAJAR BAHARU)**

Antara cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu) melalui kaji selidik tersebut ialah :

1. Memelihara maklumat pelajar dengan menyediakan sistem keselamatan e daftar yang sangat ketat.

2. Menghantar surat menggunakan emel serta mempunyai kata laluan tersendiri untuk membuka surat tersebut bagi memastikan maklumat peribadi pelajar terpelihara.
3. Pihak UPM perlu memastikan maklumat pelajar tidak didedahkan kepada pihak ketiga.
4. Memastikan tiada perubahan surat tawaran pada saat akhir untuk kelancaran pendaftaran.
5. Meningkatkan lagi tahap keselamatan maklumat peribadi dengan menambah bilangan sekuriti di dalam sistem yang dibangunkan. Contohnya seperti Menggunakan sistem keselamatan dua langkah seperti captcha, OTP (one time password).
6. Memberi makluman/paparan sebelum proses pendaftaran secara dalam talian yang menyatakan maklumat adalah sulit dan keselamatan maklumat dipelihara dengan baik oleh pihak UPM.

#### **4.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN ATAU MAKLUM BALAS PASUKAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PRASISWAZAH**


Cadangan/Maklum Balas Pelajar	Tindakan/Cadangan Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah	Penyelaras Terlibat
Memelihara maklumat pelajar dengan menyediakan sistem keselamatan e daftar yang sangat ketat	E-Daftar SMP akan di SSL (Secure Socket Layer) dan pengguna akan melalui HTTPS untuk mengakses sistem tersebut	Penyelaras Sistem
Menghantar surat menggunakan emel serta mempunyai kata laluan tersendiri untuk membuka surat tersebut bagi memastikan maklumat peribadi pelajar terpelihara	Verifikasi untuk akses sistem unik dengan menggunakan gabungan maklumat peribadi pemohon/ibu/bapa/penjaga sebagai kawalan keselamatan.	Penyelaras Sistem
Pihak UPM perlu memastikan maklumat pelajar tidak didedahkan kepada pihak ketiga.	Pemantauan dan kawalan maklumat/data dibuat mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa dan juga melalui proses audit ISMS	Semua Penyelaras dan Entiti yang terlibat
Memastikan tiada perubahan surat tawaran pada saat akhir untuk kelancaran pendaftaran	Bahagian Akademik dan BPP akan memastikan isu ini tidak berulang dan mengikut	Bahagian Akademik dan BPP

	prosedur yang telah ditetapkan	
Meningkatkan lagi tahap keselamatan maklumat peribadi dengan menambah bilangan sekuriti di dalam sistem yang dibangunkan. Contohnya seperti Menggunakan sistem keselamatan dua langkah seperti captcha, OTP (one time password).	Sistem ini hanya akan diakses oleh pengguna sekali sahaja, keselamatan yang dibina sudah memadai dan penambahan sekuriti dalam sistem adalah tidak perlu seperti perbankan 'online'.	Penyelaras Sistem
Memberi makluman/paparan sebelum proses pendaftaran secara talian yang menyatakan maklumat adalah sulit dan keselamatan maklumat dipelihara dengan baik oleh pihak UPM.	Semua proses dan sistem sedia ada telah melalui audit ISMS, dan proses pendaftaran pelajar dilaksanakan dengan mengambil kira maklumat adalah sulit dan keselamatan maklumat dipelihara dengan baik dan selamat.	Semua Penyelaras

## 5.0 SYOR

Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 dengan segala hormatnya dimohon mengambil maklum laporan cadangan penambahbaikan hasil kajian soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah (Kampus Serdang) Sesi Kemasukan 2022/2023 seperti tersebut di atas.

## PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI TEMPOH JANUARI-JUN 2023 MENGIKUT PASUKAN ISMS



# PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS BAGI TEMPOH JANUARI – JUN 2023

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2023	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu)	<p><b>UPM Kampus Bintulu:</b>  <b>Pelajar Diploma - Belum dapat diukur.</b>                      Kaji selidik keselamatan maklumat pelajar baharu diploma sesi kemasukan 2023/2024 akan dilaksana pada <b>24 Julai 2023.</b></p> <p><b>UPM Kampus Serdang &amp; Bintulu:</b>  <b>Pelajar Bacelor - Belum dapat diukur.</b>                      Kaji selidik keselamatan maklumat pendaftaran pelajar baharu bacelor sesi kemasukan 2023/2024 akan dilaksana pada <b>30 September dan 1 Oktober 2023.</b></p>
2.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<p><b>Pelajar Diploma - Belum dapat diukur.</b>                      Peratusan ketersediaan aplikasi SMP akan diukur semasa hari pendaftaran pelajar baharu diploma pada <b>24 Julai 2023.</b></p> <p><b>Pelajar Bacelor - Belum dapat diukur.</b>                      Peratusan ketersediaan aplikasi SMP akan diukur semasa hari pendaftaran pelajar baharu bacelor pada <b>30 September 2023 dan 1 Oktober 2023.</b></p>
3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<p><b>Belum dapat diukur.</b>                      Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA sedang dilaksanakan bermula <b>22 Mei 2023 hingga 9 Julai 2023 (tempoh penilaian pengajaran program bacelor Semester Kedua Sesi 2022/2023).</b></p>

# PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS BAGI TEMPOH JANUARI – JUN 2023

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2023	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<b>Belum dapat diukur.</b> Penilaian pengajaran program bachelo Semester Kedua Sesi 2022/2023 dilaksana bermula 22 Mei hingga 9 Julai 2023. Proses penilaian kaji selidik keselamatan maklumat penilaian pengajaran bachelo akan dijalankan bermula <b>17 Julai 2023 hingga 30 Ogos 2023.</b>
5.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah	<b>Belum dapat diukur.</b> Kaji selidik keselamatan maklumat pendaftaran pelajar baharu siswazah akan dilaksanakan pada <b>17 Julai 2023 hingga 31 Julai 2023.</b>
6.	Memastikan ketersediaan pelajar baharu siswazah. aplikasi iGIMS dan PutraENROLL untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi iGIMS dan PutraENROLL menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<b>Belum dapat diukur.</b> Pendaftaran pelajar baharu siswazah Semester Kedua Sesi 2022/2023 dilaksana bermula <b>13 Februari 2023 hingga 14 Julai 2023.</b>



UniPutraMalaysia



@uputramalaysia



uniputramalaysia



Putra TV



uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE